576:
MAHATHIR 1974

KUALA LUMPUR, 21 SEPT. (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED MALAM INI MENYATAKAN DUKACITANYA ATAS KEPUTUSAN PERSATUAN MAHASISWA UNIVERSITI MALAYA (PMUM) MENGAMBILALIH KUASA PIHAK PENTADBIR UNIVERSITI ITU.

BELIAU MEMBERITAHU BERNAMA, TINDAKAN ITU HANYA MERUGIKAN PARA PELAJAR KERANA MEREKA TIDAK DAPAT MENERUSKAN PELAJARAN.

JAWATANKUASA PENUNTUT SERAMAI 35 ORANG PETANG TADI MEMUTUSKAN

TINDAKAN TERSEBUT YANG BERKUATKUASA MULAI PUKUL 5 PETANG SEHINGGA PIHAK BERKUASA MEMENUHI TUNTUTAN-TUNTUTAN MEREKA.

MEREKA MEMINTA PIHAK BERKUASA MEMBEBASKAN TANPA SYARAT PRESIDEN PMUM, HISHAMUDDIN RAIS DAN SEORANG LAGI PELAJAR, MOHAMED YUNUS ALI YANG DITAHAN DI JOHOR BAHRU SEJAK KHAMIS LALU.

MENGENAI TUNTUTAN ITU, DR. MAHATHIR MENEGASKAN HANYA MAHKAMAH DAPAT MEMUTUSKANNYA. -- BERNAMA 2118/AI

47